

SIARAN MEDIA

31 Mac 2016
UNTUK SIARAN SEGERA

PROJEK PENGURUSAN SISTEM KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN TUNJANG PENGUKUHAN KETENTERAMAN AWAM

SERI KEMBANGAN (31 Mac 2016) : CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber Nasional dan juga agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Agensi Nuklear Malaysia (ANM), hari ini menandatangani Piagam Pelaksanaan Projek Pembangunan, Adaptasi dan Pensijilan Berdasarkan ISO 22301 bagi Sistem Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan (PAP).

Majlis menandatangani piagam tersebut disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Pengarah MAMPU; YBhg. Dato' Dr. Muhamad Bin Lebai Juri, Ketua Pengarah ANM dan YBrs. Dr. Amirudin Abdul Wahad, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia di Seri Kembangan.

Manfaat yang diperolehi daripada pelaksanaan projek ini adalah sistem pelaksanaan Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan yang seragam dalam kalangan sektor awam. Selain itu, projek ini juga boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi tahap kesiapsiagaan agensi sektor awam yang diterajui oleh MAMPU.

Menurut YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Pengarah MAMPU, "Perlaksanaan projek ini boleh menjadi tunjang bagi mengukuhkan ketenteraman awam dari segi meminimumkan impak ke atas sistem penyampaian perkhidmatan agensi di bawah infrastruktur maklumat kritikal negara (CNII) akibat dari gangguan atau bencana seperti ketiadaan bekalan elektrik, banjir dan sebagainya. MAMPU merasa teruja dan bertuah kerana terpilih sebagai salah satu agensi rintis bagi pelaksanaan projek ini. MAMPU akan



mengambil peluang ini sebagai salah satu usaha untuk memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan agensi.”

“Matlamat utama projek ini adalah untuk membantu agensi-agensi Sektor Awam mencapai tahap kesiapsiagaan pengurusan perkhidmatan kritikal yang lebih efektif. Di samping itu, ia turut berupaya membantu meningkatkan tahap keselamatan infrastruktur maklumat Sektor Awam.” ujar Dato’ Dr. Muhamad Bin Lebai Juri.

Sementara itu, Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia berkata, “Gangguan terhadap salah satu sektor CNII akan menyebabkan kesan domino kepada sektor-sektor lain. Sebagai contoh, gangguan terhadap utiliti tenaga elektrik di seluruh negeri Sarawak pada tahun 2013 telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang besar di negeri tersebut. Kehilangan bekalan tenaga yang berlaku pada 5.40 petang hanya dapat dipulihkan sepenuhnya selepas pukul 11.00 malam. Ini menyebabkan lebih dua juta orang, dalam pelbagai situasi, terjejas semasa gangguan terhadap utiliti tenaga tersebut.”

Kejayaan agensi Sektor Awam dalam mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan ini juga akan berupaya untuk meningkatkan tahap keyakinan pihak-pihak yang berkepentingan terhadap keupayaan agensi Sektor Awam dalam menangani sebarang gangguan perkhidmatan.

~ TAMAT ~

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to info@cybersecurity.my

Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia, twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity_Malaysia.

For further enquiries about this document, please email: media@cybersecurity.my or call +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) or Sandra Isnaji (ext: 6977)